



PELAN STRATEGIK ICT **MPAJ** 2016-2020

PERUTUSAN YDP



PERUTUSAN YANG DIPERTUA

Bismillahhirrahmannirrahim.

Pertama sekali marilah kita memanjatkan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah kurnia dan izinNya untuk kita meneruskan usaha dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab mengurus dan mentadbir MPAJ kearah kemajuan dan pembangunan yang lebih cemerlang serta perkhidmatan dan layanan yang lebih baik kepada pelanggan.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan Selamat Datang ke laman sesawang MPAJ ini. Semoga laman ini dapat membantu memberikan informasi yang bermanfaat dan berguna berkaitan dengan pengurusan dan perkhidmatan MPAJ khususnya.

Saya yang baru menerajui MPAJ bermula 02hb Januari 2015, merasakan bahawa tugas untuk membawa MPAJ ke arah lebih cemerlang adalah satu tugas yang penuh cabaran. Namun saya yakin dan percaya melalui kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh Ahli-ahli Majlis dan seluruh warga kerja MPAJ, setiap pencapaian, anugerah dan sumber pendapatan akan terus dipertingkatkan.

Saya juga berharap agar semua warga kerja MPAJ sentiasa mengamalkan prinsip kerja berpasukan, bekerja dalam suasana yang ceria di samping berfikiran positif, kreatif dan inovatif untuk merancang dan melaksanakan sesuatu yang baru bagi meningkatkan kecemerlangan dan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan. Saya akan meneruskan usaha bagi mencapai segala matlamat dan kesinambungan kerja kearah visi dan misi yang telah dirancang dengan keutamaan mewujudkan keselesaan masyarakat serta mana-mana keutamaan yang harus diberikan pada masa kini.

Akhir kata, saya berharap agar semua pihak dapat terus memberikan sokongan dan kerjasama yang berterusan kepada pengurusan MPAJ dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang.

Salam Hormat,

TUAN HAJI ABD HAMID BIN HUSSAIN A.I.S, P.P.T, P.P.C

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Ampang Jaya

PELAN STRATEGIK ICT MPAJ 2016-2020

PSICT merupakan pelan induk yang dibangunkan untuk menyokong Pelan Strategik MPAJ agar perancangan dan pembangunan ICT selaras dengan perancangan dan pelaksanaan program serta aktiviti yang dirancang.

PSICT MPAJ juga dibangunkan dengan mengambil kira segala keperluan untuk memenuhi objektif pembangunan dan hala tuju Negeri Selangor yang berasaskan kepada SMART SELANGOR

PSICT MPAJ dibangunkan bersama empat (4) PBT Selangor secara dalam dengan bantuan khidmat perunding MAMPU. PBT yang terlibat ialah:

Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Majlis Daerah Kuala Selangor

Majlis Daerah Hulu Selangor

Majlis Daerah Sabak Bernam

PENGENALAN

PSICT yang dibangunkan juga selari dengan Pelan Strategik Sektor Awam yang telah dikeluarkan oleh pihak MAMPU

PSICT merupakan blueprint yang mengandungi garis panduan mengenai perancangan pelaksanaan projek-projek ICT secara lebih terancang

PERSEKITARAN SEMASA



- Menyediakan Perkhidmatan Perbandaran yang Cekap dan Berkualiti Bagi Memastikan Warga Ampang Jaya Menikmati kehidupan Yang Selesa dan Sejahtera
- Menjadikan Perbandaran Ampang Jaya Makmur dan Harmoni Menjelang Tahun 2020
- MPAJ Sentiasa Berusaha Dan Komited Dalam Memberikan Perkhidmatan Terbaik, Mesra dan Berkualiti Kepada Pelanggan



BAHAGIAN ICT, JABATAN PERANCANGAN KORPORAT

VISI

- ICT pemangkin ke arah merialisasikan Visi MPAJ menerusi kaedah yang unik dan inovatif sesuai dengan persekitaran teknologi semasa

MISI

- Memperkasakan ICT sebagai teras utama kepada perkhidmatan dan penyampaian yang efisyen dan efektif
- Memantapkan aplikasi, peralatan dan infrastruktur ICT agar sentiasa relevan dengan keperluan perkhidmatan teras

OBJEKTIF

- Memberikan perkhidmatan ICT yang terbaik dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan teras di MPAJ
- Melaksanakan penggunaan ICT dalam meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian kerajaan dalam bidang tugas yang terlibat

FUNGSI

- Penyelidikan dan Pembangunan Sistem
- Pemantauan dan Penyelenggaraan Sistem
- Peralatan dan Penyelenggaraan Perkakasan Komputer
- Multimedia
- Pengurusan Dokumentasi Kualiti dan Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS)

APLIKASI



HASIL

- ID PELANGGAN
- PENILAIAN
- TAKSIRAN
- KUTIPAN
- KOMPAUN
- SEWAAN
- PERLESENAN
- TERIMAAN PELBAGAI



PERAKAUNAN

- LEJAR AM
- JERNAL
- BELANJAWAN
- AKAUN KENA BAYAR
- PENUTUPAN HUJUNG TAHUN



MPAJ INTRANET SYSTEM (MIST)

- KLINIK PANEL
- E-GAJI
- E-TLK
- MEJA BANTUAN
- E-LATIHAN
- MAKLUMAT BELIA
- CF
- KENDERAAN
- PERSONALIA
- PENGURUSAN KUBUR
- ARCHES
- E-KEDATANGAN
- EPPST
- E-BILLBOARD
- TASKA
- CAGARAN
- OSC KLIK

- Executive Information system GIS yang membolehkan pelanggan melayari aplikasi GIS MPAJ bagi melihat rancangan tempatan MPAJ 2020

GIS ONLINE (RANCANGAN TEMPATAN)

- Pendaftaran penduduk dan pelanggan MPAJ
- Semakan bil cukai, kompaun dan gerai sewaan MPAJ
- Pembayaran atas talian (aplikasi gerbang pembayaran)
- Tempahan dewan
- Pembelian tender online
- Permohonan dan pembaharuan lesen

ICOMM (INTELLIGENT COMMUNITY)

- Salinan bil cukai taksiran
- Salinan bil sewaan

APLIKASI CETAKAN BIL ONLINE

- Kemudahan muat turun borang secara percuma

E-BORANG

Pencapaian PSICT 2012 - 2015

Teras 1: PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR ICT YANG SELAMAT, PANTAS DAN STABIL

2 Strategi >> 12 Program >> Pencapaian 100%

Teras 2: PENGUKUHAN APLIKASI SECARA BERSEPADU DAN BERKESAN

3 Strategi >> 10 Program >> Pencapaian 100%

Teras 3: PENGUKUHAN TADBIR URUS ICT PBT

2 Strategi >> 3 Program >> Pencapaian 100%

Teras 4: PEMANTAPAN MODAL INSAN DAN PEMBUDAYAAN ICT PBT

2 Strategi >> 5 Program >> Pencapaian 80%

Teras 5: PEMANTAPAN PEMBUDAYAAN ICT DAN KEBOLEHPERCAYAAN MAKLUMAT

1 Strategi >> 1 Program >> Pencapaian 100%



HALA TUJU STRATEGIK ICT 2016-2020



Teras 1: Pengukuhan Infrastruktur ICT dan Keselamatan Siber yang Optimum, Berpusat dan Stabil

- Memperkuuhkan prestasi infrastruktur ICT bagi menjamin kesinambungan sistem penyampaian perkhidmatan secara lebih efisyen dan efektif
- Memantapkan infrastruktur ICT yang berteknologi terkini dan memperkuuhkan keselamatan siber bagi memastikan perkhidmatan digital selamat



Teras 2: Pengukuhan Aplikasi Digital dan Perkongsian Data Secara Bersepadu, Inklusif dan Berkualiti

- Memantapkan Pembangunan dan Peningkatan aplikasi digital yang selamat, dan meningkatkan kebolehcapaian serta kebolehpercayaan maklumat yang mesra rakyat
- Meningkatkan inisiatif perkongsian pintar merentasi agensi sektor awam secara cekap dan efisien



Teras 3: Pengukuhan Tadbir Urus ICT, Kalaboratif dan Dinamik

- Memperkuuhkn dasar, polisi dan struktur organisasi ICT ke arah perkhidmatan ICT yang efisien
- Mempertingkatkan mekanisme tadbir urus perkongsian dan kolaboratif strategik bagi menyokong keperluan pelanggan dan Stakeholder



Teras 4: Pemantapan Modal Insan Dan Pembudayaan ICT Warga

- Meningkatkan kompetensi dan perkongsian sumber ICT bagi melahirkan warga yang berpengetahuan dan berkemahiran
- Membudayakan ICT secara berterusan bagi mewujudkan warga yang kreatif dan inovatif



Teras 5: Pemerksaan Penyampaian Perkhidmatan Digital PBT

- Mentransformasikan persepsi komuniti dengan pembudayaan tahap penggunaan perkhidmatan Digital PBT

STRATEGI DAN PROGRAM TERAS PSIIC

TERAS 1

- 3 Strategi
- Pengukuhan Keselamatan Siber
 - Pengukuhan Keselamatan Pusat Data
 - Pemantapan Infrastruktur ICT
- 9 Program

TERAS 2

- 3 Strategi
- Pembangunan Aplikasi Baru
 - Pemerksaan Aplikasi Sedia Ada
 - Pengintegrasian Aplikasi Teras 7 Program

TERAS 3

- 2 Strategi
- Pemantapan Pengurusan ICT
 - Pemantapan dasar dan polisi ICT
- 2 Program

TERAS 4

- 2 Strategi
- Pengukuhan Kompetensi ICT warga MPAJ
 - Pengukuhan Pengetahuan dan kesedaran ICT
- 3 Program

TERAS 5

- 1 Strategi
- Pemantapan pembudayaan dan capaian perkhidmatan ICT komuniti
- 3 Program